

MEMANGGIL SEMUA PENGGUNA SAMSUNG Galaxy J

Dapatkan pengalaman yang lebih menarik dengan rangkaian Yes 4G LTE

4GB = RM30
Bulanan

yes
www.yes.my

01

Kunjungi kedai Yes, Pengedar Sah atau www.yes.my

02

Tambah nilai kad prepaid anda

03

Layari sepuas hati

SAY YES

*Sesuai daripada peraguna Samsung J Series pada harga tabuka kepada peraguna lain. *Mata & kepada Term & Syarat

YTL Communications Sdn Bhd (793434-V)

'Empat perak, satu gangsa capai KPI'

Rio de Janeiro: Kutipan empat perak dan satu gangsa ternyata satu pencapaian terbaik pernah dilakar kontinjen negara sejak menyertai Sukan Olimpik 60 tahun lalu di Melbourne.

Empat tahun lalu di London, Malaysia membawa pulang satu perak menerusi bintang badminton Datuk Lee Chong Wei dalam acara perseorangan lelaki dan penerjun Pandelega Rinong dalam acara 10 meter platform wanita.

Di Rio, badminton menghadirkan tiga perak menerusi Chong Wei, beregu lelaki Goh V Shem-Tan Wee Kiong dan beregu campuran Chan Peng Soon-Goh Liu Ying manakala terjun satu perak menerusi gandingan Pandelega-Cheong Jun Hoong dalam acara 10m platform seirama.

Azizulhasni Awang pula mencetus pingat pertama berbasikal dalam sejarah Olimpik negara apabila meraih gangsa acara keirin lelaki.

Tidak hairan Chef de Mission kontinjen negara Tan Sri Mohamed Al-Amin Abdul Majid antara orang yang paling gembira dengan kejayaan itu

walaupun sebelum berlepas ke Rio, tiada sebarang sasaran menghantuinya.

"Sememangnya kejayaan memenangi empat perak dan satu gangsa adalah pencapaian terbaik kita dalam sejarah Olimpik. Sebelum ini, pencapaian terbaik kontinjen negara di Atlanta 1996 dan London 2012 apabila kita menang satu perak dan satu gangsa.

"Saya anggap kejayaan ini membanggakan dan saya bersyukur kerana mencapai Indeks Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan iaitu mengatasi pencapaian di London 2012.

"Sebelum datang ke sini lagi, saya berkeyakinan tinggi atlet kita mampu mengatasi pencapaian di London 2012 tapi tak sangka pula boleh menang lima pingat di sini dan saya anggap ia sebagai bonus.

"Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada atlet yang berjuang dengan semangat tinggi dalam mengharumkan nama negara di sini. Begitu juga juru-

latih dan pengurus yang banyak memberi sokongan," katanya kepada wartawan Malaysia ketika merumuskan pencapaian atlet negara di Rio.

Malaysia menghantar 32 atlet bertanding dalam sembilan jenis sukan - badminton, akuatik (terjun dan renang), berbasikal, memanah, golf, menembak, olahraga, pelayaran dan angkat berat.

Sekalipun emas sulung tidak muncul di Rio, Al-Amin menganggap atlet sudah memberikan persembahan terbaik mereka namun tuah tidak menyebelahi.

Beliau mengambil contoh V Shem-Wee Kiong yang berada

di ambang kemenangan pada set ketiga aksi final apabila memerlukan satu mata saja lagi ketika mendahului pasangan China, Fu Haifeng-Zhang Nan 20-19 dan 21-20 tetapi gagal.

Mengenai badminton, Al-Amin yang juga Pemangku Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) menegaskan mereka masih boleh menyandarkan harapan kepada V Shem-Wee Kiong dan Peng Soon-Liu Ying bagi temasya Olimpik Tokyo 2020.

"Kami juga ada pemain wanita berpotensi (Goh Jin Wei) yang boleh diharap meningkat dan mampu menyumbang pingat di Tokyo nanti," jelasnya.



AZIZULHASNI



V SHEM-WEE KIONG

PENG SOON-LIU YING

JUN HOONG-PANDELELA